

**KERTAS PELAPORAN  
JAWATANKUASA PEMANDU  
TEKNIKAL STATISTIK (JPTS)**

**LAPORAN KAJIAN PENGUMPULAN PERANGKAAN PERKAHWINAN,  
PERCERAIAN DAN RUJU' ORANG ISLAM DI NEGERI KEDAH, MELAKA,  
NEGERI SEMBILAN, PERLIS DAN SARAWAK**

**Disediakan oleh:**

Bahagian Perangkaan Penduduk Dan Demografi  
Jabatan Perangkaan Malaysia

## **Kandungan**

	<b>Muka surat</b>
<b>1. Tajuk Kajian</b>	
<b>1.1 Teras</b>	3
<b>1.2 Strategi</b>	3
<b>2. Latar Belakang</b>	
<b>2.1 Pengenalan</b>	4
<b>2.2 Penyataan Masalah</b>	5
<b>3. Objektif Kajian</b>	7
<b>4. Pendekatan Metodologi</b>	
<b>4.1 Sampel Data</b>	8
<b>4.2 Kaedah Analisis</b>	8
<b>4.3 Jadual Pelaksanaan</b>	10
<b>5. Hasil dan Rumusan</b>	
<b>5.1 Hasil Dapatan Kajian</b>	11
<b>5.2 Tindakan Penyelesaian/ Syor Kajian</b>	12

**KAJIAN PENGUMPULAN PERANGKAAN PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN  
RUJU' ORANG ISLAM DI NEGERI KEDAH, MELAKA, NEGERI SEMBILAN,  
PERLIS DAN SARAWAK**

---

**1. Tajuk Kajian**

Tajuk kajian ini adalah Kajian Pengumpulan Perangkaan Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' (NCR) Orang Islam bagi negeri Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Sarawak.

**1.1 Teras**

- i. Penghasilan perangkaan perkahwinan, perceraian dan ruju' yang menyeluruh, berkualiti dan berdasarkan pengguna bagi pembangunan institusi kekeluargaan di Malaysia;
- ii. Pemerkasaan keupayaan dan kapasiti bagi meningkatkan kecekapan dan penyampaian perkhidmatan dalam pengumpulan rekod nikah, cerai dan ruju' (NCR) Orang Islam; dan
- iii. Pengukuhan kerjasama strategik secara dalaman dengan pihak Jabatan Perangkaan Negeri (JP Negeri) dan luaran dengan pihak Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) ke arah penjimatan yang disarankan oleh Kerajaan.

**1.2 Strategi**

- i. Merancang dan menyelaras aktiviti pengumpulan rekod NCR dengan kepelbagaian kaedah yang sistematik;
- ii. Menggunakan mekanisma pengumpulan rekod yang lebih jimat dan efisyen.
- iii. Meningkatkan kerjasama dan penglibatan anggota JP Negeri dalam menjalankan pengumpulan rekod NCR; dan

- iv. Mengkaji keberkesanan dan kemampuan aktiviti pengumpulan rekod NCR bagi tujuan penambahbaikan pada masa akan datang;

## 2. Latar Belakang

### 2.1 Pengenalan

Perkahwinan dan perceraian merupakan dua komponen yang terdapat dalam perangkaan penting selain kelahiran dan kematian. Perangkaan penting merupakan komponen utama yang digunakan dalam pembentukan dasar sosial di peringkat negara dan antarabangsa.

Maklumat berkaitan perkahwinan dan perceraian berguna sebagai input kepada perancangan dasar sosial dan polisi yang berkaitan bagi mengukuhkan institusi kekeluargaan di Malaysia. Selain itu, perangkaan ini juga berfaedah kepada ahli akademik, para penyelidik, pihak swasta, orang awam dan agensi-agensi Kerajaan dalam menjalankan penyelidikan dan kajian mereka.

Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (BPPD) kini dalam usaha untuk mengeluarkan Penerbitan Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian di peringkat Malaysia yang meliputi Orang Islam dan Orang Bukan Islam mengikut ciri-ciri demografi seperti jantina, kumpulan umur dan kumpulan etnik. Perangkaan yang akan diterbitkan adalah mengikut garis panduan manual *Principles and Recommendations for a Vital Statistics System Revision 3 (United Nations Statistical Division, 2014)*.

Kerja-kerja pengumpulan rekod NCR Orang Islam telah mula dilaksanakan oleh pihak BPPD pada tahun 2005 bertujuan untuk mendapatkan satu perangkaan yang tepat, tetapi tidak kesemua Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dapat membekalkan data tersebut. Data yang dikemukakan oleh pihak JAIN hanyalah data agregat sahaja yang mana analisis terperinci sukar dilaksanakan.

Pada tahun 2010, kerja-kerja penyalinan sijil NCR mula dijalankan di negeri Melaka dan Negeri Sembilan setelah mendapat kelulusan daripada JAIN masing-masing. Kerja-kerja pengumpulan ini diteruskan lagi pada tahun 2011 di Perlis. Pada Februari 2012, pihak BPPD telah membuat satu pembentangan di Persidangan Ketua Pendaftar NCR yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan mendapat persetujuan daripada kesemua JAIN untuk melaksanakan pengumpulan rekod NCR Orang Islam di setiap negeri.

Hasil perbincangan dengan JAIN dan juga pihak JAKIM, hanya lima negeri iaitu Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Sarawak yang masih tidak dapat membekalkan rekod NCR dalam bentuk *softcopy* disebabkan oleh pendaftaran NCR di negeri tersebut masih menggunakan kaedah manual.

Setelah rekod ini diperoleh, kerja-kerja tangkapan data akan dijalankan di Ibu Pejabat, seterusnya penjadualan (tabulasi) dibuat mengikut ciri-ciri asas demografi seperti jantina, kumpulan umur dan kumpulan etnik.

## 2.2 Penyataan Masalah

Unit Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian hanya diwujudkan bertujuan untuk mengumpul, memproses dan menyebarkan data perkahwinan dan perceraian. Walau bagaimanapun, unit ini hanya diwujudkan di Ibu Pejabat sahaja. Oleh yang demikian, kerja-kerja berkaitan pengumpulan, penjadualan dan perangkaan perkahwinan dan perceraian Orang Islam termasuk Orang Bukan Islam dijalankan sepenuhnya di Ibu Pejabat.

Pihak JAKIM telah membangunkan satu sistem pendaftaran NCR secara *online* iaitu Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) tetapi tidak digunakan oleh semua JAIN. Ini disebabkan oleh sesetengah JAIN telah pun mempunyai sistem yang dibangunkan sendiri bagi tujuan yang sama ataupun masih menggunakan kaedah manual dalam pendaftaran perkahwinan dan perceraian.

Walaupun BPPD telah mengambil inisiatif untuk menjalankan kerja-kerja penyalinan imej sijil NCR di JAIN tersebut, bagi memastikan perangkaan

dapat dikeluarkan dengan tepat dan berkualiti, terdapat beberapa cabaran dan kekangan dalam melaksanakan aktiviti ini iaitu di:

**a) Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)**

- i. Tenaga kerja yang tidak mencukupi;
- ii. Melibatkan kos yang tinggi untuk membayai Elaun Bayaran Sewa Hotel, Elaun Perjalanan, Elaun Harian/Makan dan lain-lain kos; dan
- iii. Tempoh masa yang diperlukan terlalu panjang sekiranya tenaga kerja tidak mencukupi.

**b) Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)**

- i. Terdapat lima daripada 16 JAIN yang masih belum menggunakan sistem pendaftaran secara berkomputer. Ini menyukarkan proses pengumpulan data dan menimbulkan implikasi sumber kewangan serta masa terhadap Bahagian;
- ii. Salinan sijil NCR tidak ada atau lewat dihantar ke JAIN oleh Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) di mana kerja-kerja penyalinan imej sijil oleh BPPD dijalankan di PAID yang berkenaan;
- iii. Terdapat rekod atau sijil disimpan dalam keadaan kurang tersusun (terutamanya di Pejabat Agama Daerah dan Masjid) menyukarkan pencarian semula sijil mengikut tahun yang dikehendaki; dan
- iv. Hasil tangkapan imej sijil tidak memuaskan disebabkan oleh salinan sijil yang disimpan tidak berada dalam keadaan baik.

### **3. Objektif Kajian**

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengkaji ketersediaan data NCR negeri Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Sarawak untuk diterbitkan diperingkat Malaysia;
- ii. Mengkaji keberkesanan pengumpulan data NCR dari segi implikasi kewangan yang terlibat serta tempoh masa yang diperlukan bagi kerja-kerja pengumpulan rekod NCR bagi negeri-negeri tersebut; dan
- iii. Mengenal pasti cadangan penyelesaian yang boleh dibuat bagi melaksanakan langkah penjimatan dalam pengumpulan rekod NCR di lima negeri ini.

### **4. Pendekatan Metodologi**


#### **4.1 Sampel / Data**

Terdapat lima negeri yang masih belum menggunakan sistem sepenuhnya untuk memproses permohonan dan sijil NCR iaitu Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Sarawak telah dijadikan sampel dalam kajian ini. Data yang diperlukan ialah data NCR bagi tahun rujukan 2010 dan 2011.

#### **4.2 Kaedah Analisis**

Memandangkan proses permohonan dan sijil NCR di Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Sarawak masih belum menggunakan sistem sepenuhnya, BPPD telah mengambil inisiatif untuk menjalankan kerja-kerja penyalinan sijil NCR setelah mendapat persetujuan dan kelulusan JAIN masing-masing. **Carta 1** menunjukkan proses yang terlibat dalam kerja penyalinan sijil NCR tersebut.

## Carta 1: Aliran Kerja Penyalinan Rekod NCR di JAIN



Selepas kerja-kerja penyalinan selesai dijalankan, laporan akan disediakan bagi melihat sama ada sasaran penyalinan imej yang telah ditetapkan tercapai atau pun tidak. Laporan ini juga akan menilai keberkesanan kerja luar penyalinan tersebut termasuklah implikasi kewangan sebenar.

Analisis kajian ini akan menggunakan kesemua laporan kerja luar yang telah diluluskan bagi mengkaji sama ada kaedah penyalinan imej ini masih lagi sesuai untuk digunakan ataupun tidak.

#### 4.3 Jadual Pelaksanaan

Pada tahun 2010, kerja-kerja penyalinan telah mula dilaksanakan bagi mendapatkan rekod NCR 2008-2009 tetapi untuk dua negeri sahaja iaitu Melaka dan Negeri Sembilan. Sila rujuk **Jadual 1**.

**Jadual 1: Jadual pelaksanaan pengumpulan rekod NCR pada tahun 2010**

Negeri	Bil. Pegawai	Tempoh Masa	Bilangan Sijil
Melaka	5 orang	18 hari	9,859
Negeri Sembilan	5 orang	20 hari	11,902
<b>Jumlah keseluruhan sijil</b>			<b>21,761</b>

Kerja-kerja penyalinan imej sijil ini diteruskan lagi pada tahun 2011 bagi negeri Melaka dan pada tahun 2012 bagi negeri Kedah, Melaka, Perlis dan Sarawak seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2: Jadual pelaksanaan pengumpulan rekod NCR pada tahun 2011 dan 2012**

Negeri	Tahun	Bilangan Pegawai	Tempoh Masa	Bilangan Sijil
Kedah	2012	10 orang	15 hari	22,487
Perlis	2012	2 orang	4 hari	2,307
Melaka	2011	3 orang	2 hari	1,134
	2012	3 orang	3 hari	1,192
N. Sembilan	2011	4 orang	6 hari	5,670
	2012	2 orang	2 hari	1,419
Sarawak	2012	4 orang	5 hari	12,845
<b>Jumlah keseluruhan sijil</b>				<b>47,054</b>

**Jadual 3** pula menunjukkan jadual pelaksanaan bagi pengumpulan rekod NCR bagi tahun 2013.

**Jadual 3: Jadual pelaksanaan pengumpulan rekod NCR pada tahun 2013 dan 2014**

Negeri	Tahun	Bilangan Pegawai	Tempoh Masa	Bilangan Sijil
Kedah	2013	25 orang	14 hari	17,997
Perlis	2013	6 orang	1 hari	2,050
Melaka	2013	3 orang	2 hari	1,280
N. Sembilan	2013	4 orang	5 hari	6,620
<b>Jumlah keseluruhan sijil</b>				<b>27,947</b>

## 5. Hasil Dan Rumusan

### 5.1 Hasil Dapatan Kajian

Hasil daripada kerja luar pada tahun 2010 hingga 2013, didapati jumlah sijil NCR yang telah berjaya dibuat tangkapan imej adalah sebanyak **96,623 sijil**. Jumlah perbelanjaan keseluruhan bagi pelaksanaan pengumpulan ini adalah sebanyak **RM62,660.00** yang merangkumi kos penyalinan dan kos pemantauan.

**Jadual 4: Hasil penyalinan sijil dan kos yang dibelanjakan**

Bil.	Negeri	Bil. Sesi	Jumlah sijil	Kos penyalinan dan pemantauan (RM)
1.	Kedah*	2	40,484	21,180.00
2.	Melaka	4	13,465	14,580.00
3.	N. Sembilan	4	25,611	19,020.00
4.	Perlis*	2	4,357	2,880.00
6.	Sarawak	1	12,845	5,000.00
<b>Jumlah</b>		<b>13</b>	<b>96,762</b>	<b>62,660.00</b>

\*Kerja-kerja penyalinan mendapat bantuan anggota JP Negeri

Secara kesimpulannya, salinan sijil NCR dalam bentuk *softcopy* masih tidak dapat dibekalkan secara menyeluruh oleh beberapa negeri. Maklum balas yang diperoleh daripada beberapa JAIN yang mana akan melaksanakan sistem tangkapan data secara elektronik dan dijangka mula beroperasi pada 2017/2018 bagi rekod perkahwinan sahaja. Manakala bagi rekod perceraian, kemasukan data secara elektronik akan bermula selepas selesai bagi rekod perkahwinan.

## **5.2 Tindakan Penyelesaian / Syor Kajian**

Berdasarkan hasil kajian, terdapat kekangan bagi pengumpulan data NCR Orang Islam. Data diperoleh secara tidak berpusat dan sebahagian JAIN masih menggunakan rekod dalam bentuk *hardcopy*.

Justeru itu, BPPD mencadangkan aktiviti pengumpulan data perkahwinan, perceraian dan ruju' Orang Islam ditangguhkan sementara sehingga pihak JAIN menggunakan sistem pendaftaran secara elektronik sepenuhnya.

Selain itu, disyorkan juga supaya Penerbitan Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian, Malaysia juga ditangguhkan berikutan masalah tersebut dan Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian Orang Bukan Islam diterbitkan secara dalaman terlebih dahulu memandangkan data yang dikumpul masih belum menyeluruh terutamanya rekod NCR Orang Islam di peringkat Malaysia.